

## GARIS PANDUAN PELESENAN

---

### GARIS PANDUAN LESEN TRED

#### ➤ LESEN PERNIAGAAN DAN PERINDUSTRIAN

1. Dilarang meletakkan sebarang peralatan atau barang-barang di kaki lima.
2. Dilarang menimbulkan kacauganggu kepada lalulintas dan persekitaran.
3. Dilarang membiarkan binatang seperti anjing berkeliaran di dalam bangunan / premis.
4. Sampah-sampah perniagaan hendaklah diuruskan sendiri dan dibuang ke tempat yang dibenarkan oleh MPKj.
5. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna ( MGB 240 Liter / MGB 660 Liter ) bagi premis perniagaan.
6. Menjaga kebersihan di dalam dan di luar bangunan / premis.
7. Memastikan susunatur barang-barang di dalam bangunan / premis teratur dan tidak menghalang laluan / pergerakan pekerja.
8. Menyediakan kotak ‘First-Aid’ yang lengkap dan ditempatkan dibahagian yang bersesuaian.
9. Mengibarkan / mempamerkan bendera negeri / kebangsaan di premis.
10. Memaklumkan kepada pihak MPKj sekiranya telah berpindah, bertukar / tidak lagi menjalankan perniagaan.
11. Mematuhi syarat-syarat / arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.
12. Mematuhi syarat-syarat yang dikeluarkan oleh Jabatan Teknikal yang lain seperti Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Bomba dan Jabatan Kesihatan Dan Keselamatan Pekerjaan.
13. Dilarang melepaskan sebarang ‘effluen’ / bahan berjadual ke dalam longkang tanpa dineutralkan terlebih dahulu.
14. Membuat landskap yang bersesuaian di sekitar premis.
15. Memaklumkan sebarang pertambahan pengeluaran kilang / bangunan kepada MPKj.
16. Memastikan pengendalian makanan bagi kantin mematuhi lampiran 2.
17. Para pekerja hendaklah dibekalkan dengan alat pelindung yang sesuai seperti ‘Ear Plug’ dan penutup hidung.
18. ‘Thinner’ dan lain-lain bahan kimia hendaklah disimpan berasingan daripada bahan-bahan lain.

## GARIS PANDUAN PELESENAN

---

### ➤ LESEN KEDAI MAKAN / PENGENDALIAN MAKANAN

1. Sampah - sampah hendaklah dimasukkan ke dalam beg plastik dan diikat dengan rapi dan kemas supaya tidak bertaburan. Dilarang membuang sisa makanan di dalam longkang. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna ( MGB 240 Liter / MGB 660 Liter ) bagi premis perniagaan.
2. Pengendali makanan dan para pekerja dimestikan menjalani pemeriksaan kesihatan dan mendapatkan suntikan Typhoid ( TY 2 ) 3 tahun sekali.
3. Dilarang menggunakan peralatan yang retak, sumbing atau rosak.
4. Menyediakan alat pemegang makanan yang mencukupi.
5. Dilarang menggunakan surat khabar / bahan bercetak bagi menutup / membungkus makanan.
6. Menutup semua bahan mentah / bermasak dengan penutup yang bersesuaian.
7. Memakai pakaian yang bersih dan kemas serta apron (alas dada), tutup kepala dan tuala tangan.
8. Memastikan kuku dipotong pendek dan bersih serta jari-jari tidak mempunyai sebarang luka kecederaan.
9. Dilarang merokok semasa menyediakan makanan.
10. Tangan hendaklah dicuci dengan sabun selepas ke tandas.
11. Premis perlu dilengkapi dengan alat perangkap sisa pepejal dan minyak.
12. Memasang papan tanda seperti 'Dilarang Merokok'.
13. Mematuhi syarat-syarat / arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.
14. Dilarang menjadikan premis makanan sebagai tempat penginapan.
15. Lesen Perniagaan hendaklah dipamerkan di premis perniagaan dan di lokasi yang mudah dilihat.
16. Dilarang memelihara binatang ternakan dan binatang peliharaan di dalam dan luar premis kecuali ikan hiasan di dalam akuarium.
17. Dilarang menjalankan aktiviti memasak dan yang berkaitan di kaki lima.
18. Dilarang meletakkan kerusi dan meja di lot tempat letak kenderaan ( *parking* ).

## GARIS PANDUAN PELESENAN

---

### ➤ LESEN BENGKEL KERETA

1. Perniagaan hanya dibenarkan beroperasi di kawasan perindustrian sahaja.
2. Dilarang menjalankan aktiviti mengecat dan mengimpal tanpa mendapatkan kelulusan daripada pihak MPKj terlebih dahulu.
3. Dilarang menimbulkan kacauganggu kepada lalu lintas dan persekitaran.
4. Dilarang membiarkan binatang seperti anjing berkeliaran di dalam bangunan / premis.
5. Sampah-sampah perniagaan hendaklah diuruskan sendiri dan dibuang ke tempat yang dibenarkan oleh MPKj. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna ( MGB 240 Liter / MGB 660 Liter ) bagi premis perniagaan .
6. Menjaga kebersihan di dalam dan di luar bangunan / premis.
7. Memastikan susunatur barang-barang di dalam bangunan / premis teratur dan tidak menghalang laluan / pergerakan pekerja.
8. Menyediakan kotak 'First Aid' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.
9. Dilarang membuang minyak ke dalam longkang atau mana-mana saliran air.
10. Menyediakan bekas untuk menyimpan minyak terpakai dan melupuskan ke tempat yang sesuai kepada syarikat yang mengendalikan kitar semula.
11. Mengibarkan / mempamerkan bendera negeri / kebangsaan di premis.
12. Memaklumkan kepada pihak MPKj sekiranya telah berpindah / tidak lagi menjalankan perniagaan.
13. Mematuhi syarat-syarat / arahan yang di keluarkan oleh Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.
14. Tidak dibenarkan meletak peralatan atau barang-barang di kaki lima bangunan / premis tanpa kelulusan daripada pihak Majlis.
15. Dilarang menjalankan aktiviti mengecat, mengetuk dan mengimpal di premis perniagaan tanpa mendapatkan kelulusan daripada pihak MPKj.
16. Dilarang membuat sebarang tambahan 'rem' atau 'slab' kekal di kaki lima ataupun di siar kaki.
17. Dilarang meletakkan kenderaan yang sedang dibaikpulih atau rosak di hadapan premis yang boleh menimbulkan sebarang kacau ganggu.

## GARIS PANDUAN PELESENAN

---

### ➤ **LESEN PERNIAGAAN DI GERAI PASAR**

#### **1. KEBERSIHAN** :

- i. Membersihkan gerai dan kawasan sekitarnya pada setiap masa terutama selepas waktu perniagaan.
- ii. Memastikan semua jenis sampah / hasil buangan dari perniagaan dimasukkan ke dalam karung plastik dan dibuang ke dalam tong sampah. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna ( MGB 240 Liter / MGB 660 Liter ) bagi premis perniagaan .
- iii. Sampah yang telah diikat di dalam karung plastik hendaklah dikumpulkan di satu tempat yang boleh diambil oleh kontraktor yang dilantik pada masa yang ditetapkan. Sila pastikan masa dengan kontraktor yang dilantik bagi mengelakkan orang ramai ( selain peniaga ) menjadikan tempat mengumpul sampah pasar sebagai tempat pelupusan sampah awam.

#### **2. GERAI-GERAI :**

- i. Dilarang menyewakan atau membenarkan orang lain menjalankan perniagaan di gerai pasar yang ditawarkan.
- ii. Dilarang mengubahsuai dan menyambung mana-mana bahagian gerai dan bangunan.
- iii. Hendaklah menggunakan ruang di gerai sahaja dan tidak menyebabkan halangan ke atas laluan dan kemudahan-kemudahan awam di sekitar kawasan pasar.
- iv. Bagi gerai menjual ayam hanya dibenarkan menjual ayam sahaja. Aktiviti menyembelih dan memproses ayam di dalam pasar adalah dilarang.

#### **3. KEMUDAHAN TEMPAT LETAK KERETA :**

- i. Dilarang menggunakan petak letak kereta untuk kenderaan perniagaan ( lori, van dan lain-lain ) kecuali bagi tujuan pemunggahan barang.

#### **4. PERATURAN-PERATURAN :**

- i. Hendaklah sentiasa memberikan kerjasama kepada mana-mana pegawai / kakitangan Majlis Perbandaran yang menjalankan tugas di gerai-gerai pasar.
- ii. Mematuhi arahan Pihak Berkuasa Melesen dari semasa ke semasa.

## GARIS PANDUAN PELESENAN

---

### ➤ LESEN PUSAT SIBER & KAFE SIBER

1. Pekerja asing tidak dibenarkan bekerja di pusat siber dan kafe siber. Pekerja perlu mendaftar bagi mendapatkan pas/kad pekerja yang akan dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan dan mestilah berumur 18 tahun ke atas.
2. Aktiviti utama pusat siber dan kafe siber adalah dihadkan kepada aktiviti penyebaran dan mendapatkan maklumat melalui internet sahaja.
3. Pengusaha hendaklah menyediakan pengimbas MyKad Solution (B3 Cafe) sebagai rekod kemasukan pelanggan bagi tujuan semakan oleh Majlis pada bila-bila masa. Pengimbas tersebut akan merekod butir-butiran pelanggan seperti:
  - a. Nama Pelanggan;
  - b. Nombor kad pengenalan;
  - c. Umur;
  - d. Masa mula dan tamat penggunaan;
  - e. Nombor telefon (jika perlu);
  - f. IP komputer dan IP talian internet yang digunakan; dan
  - g. Memastikan penggunaan '*firewall*' sebagai '*web filtering*' untuk menghalang akses kepada laman web yang tidak dibenarkan.
4. Masa beroperasi dihadkan sehingga pukul 12:00 tengah malam sahaja. Manakala bagi pengunjung di bawah umur 12 tahun, mereka dibenarkan mengunjungi pusat tersebut sehingga pukul 10:00 malam sahaja serta ditemani oleh ibu bapa atau penjaga.
5. Pusat siber dan kafe siber tidak dibenarkan beroperasi berhampiran dengan kawasan-kawasan sensitif seperti rumah ibadat dan lain-lain kawasan yang dirasakan tidak wajar oleh Pegawai Melesen. Jarak minima yang dibenarkan hendaklah sekurang-kurangnya 500 meter radius dari kawasan tersebut.
6. Pusat siber dan kafe siber hanya dibenarkan **beroperasi di kompleks perniagaan, rumah kedai / kedai pejabat, tingkat bawah dan tingkat 1 sahaja dan premis binaan sendiri di kawasan luar bandar (sokongan daripada Ahli Majlis diperlukan)**.
7. Aktiviti-aktiviti berikut adalah **DILARANG** :
  - a. Menjalankan apa-apa bentuk aktiviti perjudian;
  - b. Memuat naik, memuat turun atau mengakses gambar atau mencetak, video atau artikel kurang sopan atau lucu dan yang berunsur hasutan;
  - c. Menjual apa-apa bahan bercetak yang berunsur negatif dan lucu;
  - d. Menjalankan apa-apa bentuk aktiviti hiburan termasuk muzik siar pusat (*pipe music*);
  - e. Pelajar berpakaian seragam sekolah di dalam premis;
  - f. Menjual atau menggunakan minuman beralkohol, rokok atau dadah berbahaya di premis;
  - g. Merokok di dalam premis
  - h. Menayangkan atau mempamerkan apa-apa gambar yang tidak sesuai dengan adat resam, agama dan nilai murni masyarakat Malaysia;
  - i. Melakukan apa-apa aktiviti tidak bermoral di dalam premis; dan
  - j. Iklan yang tidak berlesen daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

8. Premis hendaklah berkonsep terbuka dengan sistem pencahayaan yang terang dan pengudaraan yang baik. Pintu atau dinding hadapan premis hendaklah menggunakan kaca atau apa-apa benda lutsinar yang lain dan tidak dibenarkan untuk diwarnakan atau ditampal dengan apa-apa bahan yang menghalang penglihatan.
9. Kedudukan komputer hendaklah diletakkan dalam ruangan yang terbuka iaitu tidak berbilik, tidak berpintu dan tidak dibenarkan penggunaan '*partition*'.
10. Menyeragamkan papan tanda pusat siber atau kafe siber dengan penggunaan nama 'Pusat Siber Sihat'.
11. Pengusaha pusat siber dan kafe siber juga hendaklah mengambil perhatian ke atas aspek-aspek kebersihan dan diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna ( MGB 240 Liter / MGB 660 Liter ) serta tandas awam yang berasingan antara lelaki dan wanita.
12. Aktiviti penyediaan atau penjualan makanan dan minuman atau apa-apa aktiviti perniagaan hendaklah di ruangan yang berasingan dari aktiviti pusat siber dan kafe siber.
13. Menyediakan notis / papan tanda berhubung larangan-larangan di perkara 7.
14. Lesen yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa Tempatan hendaklah dipamerkan di kaunter pendaftaran premis sepanjang masa.
15. Lesen boleh dibatalkan sekiranya pemilik premis membuat perlanggaran syarat atau larangan-larangan melebihi (3) tiga kali setahun.
16. Bilangan minima komputer bagi memulakan perniagaan Pusat Siber dan Kafe Siber ialah 40 komputer dengan jarak (1 unit komputer bagi setiap  $1.2\text{ m}^2$ )

## GARIS PANDUAN PELESENAN

---

### ➤ LESEN PERUSAHAAN SARANG BURUNG WALIT

1. Garis panduan ini terpakai hanya untuk spesis *Aerodramus Fuciphagus* ( *Edible – nest Swift* ) dan *Aerodramus Maxima* ( *Black – nest Swiftlet* ).
2. Perusahaan sarang burung walit di kawasan perumahan, peranginan, kawasan dikunjungi orang ramai dan tempat awam adalah dilarang.
3. Perusahaan hanya dibenarkan di kawasan tanah pertanian ( kecuali sawah padi ). Bagi pengusaha yang ingin menjalankan aktiviti pemrosesan, hanya dibenarkan di kawasan zon industri ringan.
4. Pengusaha hendaklah mendapatkan persetujuan daripada pemilik - pemilik premis dalam lingkungan 200 meter radius daripada sempadan tanah yang dikira daripada '*building line*' premis penternakan burung walit yang dijalankan.
5. Bagi pembinaan bangunan baru, had tinggi bangunan berkenaan adalah tidak melebihi 5 tingkat.
6. Jenis bangunan yang telah diwartakan sebagai warisan ( *heritage* ) adalah dilarang sama sekali untuk dimajukan sebagai tempat perusahaan dan penternakan burung walit.
7. Lantai bangunan dan dinding ( bahagian bawah ) hendaklah dibina dari bahan yang kalis / tebat air supaya kerja – kerja pencucian menjadi mudah dan pencemaran bahan – bahan yang menyerap dapat dielakkan.
8. Semua bangunan hendaklah dilengkapi dengan alat pemadam api mengikut keperluan dan syarat – syarat Jabatan Bomba dan Penyelamat.
9. Setiap pengusaha adalah dilarang membina kolam atau tangki air di atas bangunan berkenaan bagi tujuan merendahkan suhu dan kawalan kelembapan dalam bangunan.
10. Kawasan persekitaran dan dalaman bangunan hendaklah sentiasa bersih terutama daripada najis – najis burung.
11. Penggunaan perakam bunyi adalah dilarang sama sekali.
12. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna ( MGB 240 Liter / MGB 660 Liter ) bagi tempat perusahaan / penternakan.
13. Perlu mendapatkan sokongan daripada Jabatan Kesihatan, Jabatan Perhilitan & Jabatan Haiwan.
14. Pengusaha yang hanya menjalankan aktiviti pemrosesan pembersihan sarang burung tersebut dibenarkan untuk beroperasi di kawasan industri ringan sahaja.

## GARIS PANDUAN PELESENAN

---

### ➤ **LESEN PUSAT KECANTIKAN & PENJAGAAN KESIHATAN**

1. Pintu masuk Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan hendaklah diliputi cermin telus bagi satu per empat ( $\frac{1}{4}$ ) daripada permukaannya dan pintu itu hendaklah tidak dikunci semasa waktu perniagaan.
2. Pemegang lesen tidak boleh menyekat keseluruhan tempat-tempat di dalam Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan yang digunakan untuk apa-apa urutan atau rawatan bagi memelihara mana-mana bahagian badan dan muka.
3. Pemegang lesen hanya dibenarkan memasang langsir seperti yang ditentukan oleh Pihak Berkuasa Melesen untuk mengasingkan katil-katil yang digunakan untuk mengurut dan merawat dan langsir tidak boleh melebihi 2 meter tinggi dari lantai ( urut badan ).
4. Pekerja dan tukang urut hendaklah berpakaian kemas, bersih dan tidak menjolok mata.
5. Semua pekerja yang memberi rawatan urutan perlu mempunyai sijil kesihatan dan menjalani pemeriksaan kesihatan 6 bulan sekali.
6. Satu buku daftar yang mengandungi nama, no. kad pengenalan, alamat kediaman, gambar, dan butiran yang berkaitan dengan pekerja dan tukang urut hendaklah disediakan untuk tujuan pemeriksaan.
7. Premis dibenarkan beroperasi sehingga pukul 1.00 pagi sahaja.
8. Menyediakan notis / papan tanda berhubung :
  - a. Dilarang Merokok
  - b. Pelajar yang berpakaian seragam sekolah dilarang masuk
  - c. Waktu Operasi
9. Pekerja asing yang tidak mempunyai permit kerja yang sah tidak dibenarkan bekerja di rumah urut.
10. Premis hendaklah sentiasa dalam keadaan bersih.
11. Setiap bilik tidak dibenarkan mempunyai daun pintu / tidak berkunci.
12. Setiap bilik tidak boleh dilengkapi dengan bilik air.
13. Sistem pengudaraan & pencahayaan yang mencukupi.
14. Mempunyai kemudahan tandas yang mencukupi.
15. Lesen perniagaan hendaklah dipamerkan di tempat yang mudah dilihat.
16. Menyediakan buku laporan pemeriksaan untuk disemak oleh pihak MPKj.
17. Mengumpul rambut pelanggan yang telah digunting dan dimasukkan ke dalam karung plastik atau yang seumpamanya.

18. Mensucihamakan (*Sterlization*) semua peralatan yang digunakan samada secara gelombang mikro (*Mikrowave*) dan lain-lain dengan bahan kimia (*Dettol/Lysol*).
19. Menyediakan tuala yang secukupnya untuk pelanggan. Penggunaan semula tuala yang tidak / belum dicuci adalah dilarang sama sekali.
20. Semua pekerja hendaklah menjalani pemeriksaan doktor setiap tahun.
21. Pekerja hendaklah mencuci tangan setiap kali sebelum dan selepas kerja mengunting dan mendandan.
22. Sampah-sampah perniagaan hendaklah diuruskan sendiri dan dibuang ke tempat yang dibenarkan oleh MPKj.
23. Memastikan susunatur barang-barang di dalam bangunan premis teratur dan tidak menghalang laluan / pergerakan pekerja.
24. Menyediakan kotak '*First Aid*' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.
25. Mempamerkan / mengibarkan bendera negeri / kebangsaan di premis perniagaan.
26. Memaklumkan kepada pihak MPKj sekiranya telah berpindah / bertukar hakmilik / tidak lagi menjalankan perniagaan.
27. Mematuhi syarat-syarat / arahan yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa MPKj dari semasa ke semasa.
28. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna ( MGB 240 Liter / MGB 660 Liter ) bagi premis perniagaan

## GARIS PANDUAN PELESENAN

---

### ➤ **LESEN PERKHIDMATAN MENCUCI KENDERAAN**

1. Hanya premis perniagaan di lot tepi sahaja yang dibenarkan untuk menjalankan aktiviti perniagaan mencuci kenderaan dan tidak bersebelahan dengan restoran atau menjual makanan dan minuman.
2. Premis perniagaan perlu dilengkapi dengan sistem perangkap minyak dan pasir.
3. Premis perniagaan hendaklah mempunyai sistem saliran air buangan hasil daripada aktiviti mencuci kenderaan yang teratur.
4. Hanya aktiviti mencuci dan mengilat kenderaan sahaja yang dibenarkan beroperasi. Premis juga hendaklah mempunyai ruang tempat meletak kenderaan yang mencukupi.
5. Dilarang menimbulkan sebarang jenis kacauanggu semasa menjalankan aktiviti mencuci kenderaan.
6. Memastikan alat keselamatan yang mencukupi di premis perniagaan.
7. Memastikan susunatur barang-barang di dalam bangunan premis teratur dan tidak menghalang laluan / pergerakan pekerja.
8. Menyediakan kotak ‘First Aid’ yang lengkap dan ditempatkan di tempat yang bersesuaian.
9. Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti mencuci kenderaan di luar premis perniagaan.
10. Memaklumkan kepada pihak MPKj sekiranya telah berpindah / bertukar hakmilik / tidak lagi menjalankan perniagaan.
11. Mematuhi syarat-syarat / arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa MPKj dari semasa ke semasa.
12. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna ( MGB 240 Liter / MGB 660 Liter ) bagi premis perniagaan .
13. Tidak dibenarkan membina sebarang struktur tambahan bangunan sama ada di dalam atau luar premis perniagaan tanpa mendapat kelulusan daripada pihak Majlis.
14. Tidak dibenarkan menghalang / menutup / menggunakan petak meletak kenderaan di hadapan premis kecuali mendapat kebenaran daripada pihak Majlis.

## GARIS PANDUAN PELESENAN

---

### ➤ LESEN MINUMAN KERAS / LIQUOR

1. Aktiviti hanya dibenarkan beroperasi di kawasan perniagaan.
2. Premis perniagaan hendaklah berada di luar radius 200 meter daripada kawasan kediaman, pusat ibadah, sekolah dan bangunan kerajaan.
3. Tidak dibenarkan beroperasi di kawasan yang majoritinya adalah penduduk Islam.
4. Dilarang menjual minuman keras kepada pelanggan yang berumur 18 tahun kebawah dan yang beragama Islam.
5. Pekerja dipremis perniagaan hendaklah berumur 21 tahun ke atas.
6. Waktu operasi adalah sehingga pukul 12:00 tengah malam sahaja. Walaubagaimanapun operasi boleh dilanjutkan sekiranya mendapat kelulusan / kebenaran daripada Lembaga Pelesenan Daerah Hulu Langat.
7. Hendaklah menyediakan alat mencegah kebakaran yang mencukupi.
8. Menyediakan kotak '*First Aid*' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.
9. Pemilik premis yang menjalankan aktiviti menjual minuman keras hendaklah memastikan pelanggan-pelanggan tidak minum minuman keras di hadapan premis ataupun ditempat yang terbuka.
10. Memaklumkan kepada pihak MPKj sekiranya telah berpindah / bertukar hakmilik / tidak lagi menjalankan perniagaan.
11. Mematuhi syarat-syarat / arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa MPKj dari semasa ke semasa.
12. Diwajibkan menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna ( MGB 240 Liter / MGB 660 Liter ) bagi premis perniagaan .
13. Tidak dibenarkan membina sebarang struktur tambahan bangunan sama ada di dalam atau luar premis perniagaan tanpa mendapat kelulusan daripada pihak Majlis.
14. Menyediakan notis :-
  - a. Dilarang Merokok
  - b. Pelajar yang berpakaian seragam sekolah dilarang masuk
  - c. Waktu Operasi
15. Tindakan yang tegas akan diambil sekiranya pengusaha didapati menjalankan aktiviti perniagaan yang kurang sihat.
16. Perniagaan hendaklah diuruskan secara profesional dan pengurus perlu mempunyai pengetahuan yang luas dalam bidang ini.
17. Lesen perniagaan hendaklah dipamerkan ditempat yang mudah dilihat.

18. Pihak MPKj berhak menarik balik lesen perniagaan dan mengarahkan premis perniagaan ditutup sekiranya didapati pengusaha perniagaan melanggar mana-mana syarat yang telah ditetapkan dalam garis panduan ini.

## GARIS PANDUAN PELESENAN

---

### ➤ LESEN TEMPAT LETAK KERETA PERSENDIRIAN

1. Pemegang lesen hendaklah menyelenggara tempat letak kereta persendirian dalam keadaan bersih pada setiapmasa.
2. Pemegang lesen hendaklah menyediakan tong sampah yang mencukupi di tempat letak kereta persendirian.
3. Pemegang lesen hendaklah mengambil langkah yang mencukupi untuk memastikan bahawa tiada kenderaan diletakkan mengikut apa-apa cara yang boleh menghalang pergerakan lalu lintas yang bebas di dalam atau di sekitar tempat letak kereta persendirian.
4. Pemegang lesen hendaklah mematuhi segala arahan yang diberikan oleh Pihak Berkuasa dan pihak polis untuk memastikan bahawa perlindungan keselamatan yang mencukupi disediakan.
5. Bagi tempat letak kereta yang tertutup, pemegang lesen hendaklah memasang sistem kamera litar tertutup dan berfungsi dengan baik pada setiap masa.
6. Tempat letak kereta persendirian yang tertutup perlu mempunyai sistem pengudaraan dan pencahayaan yang mencukupi.
7. Hendaklah menyediakan alat mencegah kebakaran yang mencukupi.
8. Menyediakan kotak '*First Aid*' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.
9. Pemegang lesen hendaklah mematuhi kadar caj yang telah ditetapkan iaitu :
  - i. RM3.00 ( Ringgit Malaysia Tiga Sahaja ) untuk sekali masuk atau tidak lebih ;
  - ii. RM2.00 ( Ringgit Malaysia Dua Sahaja ) untuk 1 jam pertama dan tambahan ; dan
  - iii. RM1.00 ( Ringgit Malaysia Satu Sahaja ) bagi setiap jam yang berikutnya.
10. Memaklumkan kepada pihak MPKj sekiranya telah berpindah / bertukar hakmilik / tidak lagi menjalankan perniagaan.
11. Mematuhi syarat-syarat / arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa MPKj dari semasa ke semasa.
12. Tidak dibenarkan membina sebarang struktur tambahan bangunan sama ada di dalam atau luar premis perniagaan tanpa mendapat kelulusan daripada pihak Majlis.
13. Lesen perniagaan hendaklah dipamerkan ditempat yang mudah dilihat.
14. Perlu menyediakan papan tanda tunjuk arah pada laluan keluar dan masuk.

## GARIS PANDUAN PELESENAN

---

### ➤ LESEN PUSAT SERVIS KERETA

1. Tidak dibenarkan menjalankan aktiviti 'overhaul' dan turun enjin di premis perniagaan.
2. Dilarang menjalankan aktiviti mengecat, mengetuk dan mengimpal di premis perniagaan.
3. Perlu mempunyai sistem kawalan minyak hitam supaya tidak disalurkan ke dalam sistem perparitan.
4. Dilarang meletakkan peralatan atau barang-barang di kaki lima bangunan / premis yang boleh menimbulkan sebarang kacauganggu.
5. Dilarang meletakkan kenderaan yang sedang diservis di kawasan parking sehingga menimbulkan kacauganggu kepada lalu lintas dan persekitaran.
6. Dilarang membiarkan binatang seperti anjing berkeliaran di dalam bangunan / premis.
7. Sampah-sampah perniagaan hendaklah diuruskan sendiri dan dibuang ke tempat yang dibenarkan oleh MPKj. Diwajibkan Menyediakan tong sampah yang mencukupi dan sempurna ( MGB 240 Liter / MGB 660 Liter ) bagi premis perniagaan .
8. Menjaga kebersihan di dalam dan di luar bangunan / premis.
9. Memastikan susunatur barang-barang di dalam bangunan / premis teratur dan tidak menghalang laluan / pergerakan pekerja.
10. Menyediakan kotak 'First Aid' yang lengkap dan ditempatkan di bahagian yang bersesuaian.
11. Menyediakan bekas untuk menyimpan minyak terpakai dan melupuskan ke tempat yang sesuai kepada syarikat yang mengendalikan kitar semula.
12. Mengibarkan / mempamerkan bendera negeri / kebangsaan.
13. Memaklumkan kepada pihak Majlis Perbandaran Kajang sekiranya telah berpindah / tidak lagi menjalankan perniagaan.
14. Mematuhi syarat-syarat / arahan yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa dari semasa ke semasa.
15. Dilarang menjalankan aktiviti mengecat, mengetuk dan mengimpal di premis perniagaan.

## GARIS PANDUAN PELESENAN

---

### ➤ LESEN PEMBANGUNAN KEDIAMAN-PEJABAT ( SOHO )

1. Kebenaran Perancangan skim kediaman - pejabat merupakan kelulusan Kebenaran Perancangan sementara. Kelulusan Kebenaran Perancangan akan ditarik balik sekiranya pembangunan tersebut memberi kacau ganggu kepada jiran.
2. Saiz setiap unit kediaman untuk kediaman - pejabat tidak melebihi 2,000 kp.
3. Pemilik perlu memastikan aktiviti-aktiviti perniagaan tidak memberi kacau ganggu kepada jiran-jiran bersebelahan ataupun kawasan kejiranan kediaman.
4. Aktiviti perniagaan seharusnya tidak mengeluarkan bunyi, asap, bau & habuk dan penggunaan kenderaan yang memberi kacau ganggu kepada kawasan jiran.
5. Kegunaan sebagai gudang dan kegunaan bahan binaan yang merbahaya tidak dibenarkan.
6. Bilangan pekerja yang dibenarkan adalah seramai 3 orang sahaja untuk setiap unit skim kediaman-pejabat.
7. Kelulusan Kebenaran Perancangan sementara akan diberi dalam tempoh masa selama 3 tahun dan pemohon perlu mengemukakan permohonan lanjutan selepas tamat tempoh.
8. Papan iklan perniagaan boleh dibenarkan dan pelan mengikut garis panduan yang ditetapkan.
9. Semua keperluan aspek keselamatan perlu diambil kira untuk memastikan aktiviti tersebut tidak memberi kemudarat kepada jiran bersebelahan.
10. Pemohon juga perlu mematuhi kehendak keperluan agensi-agensi teknikal yang lain seperti Bomba, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pendidikan ataupun jabatan-jabatan berkaitan.
11. Pengiklanan ataupun pemasangan poster terhadap perniagaan tidak dibenarkan dan aktiviti-aktiviti yang boleh memberi kesan sampingan kepada orang awam tidak dibenarkan.
12. Penggunaan elektrik mesti tidak melebihi daripada penggunaan purata unit-unit kediaman biasa.